

02 OCT 2002

Gaya-Kelakuan/I

ANGGOTA BN DIMINTA JAGA PERILAKU

KOTA KINABALU, 2 Okt (Bernama) -- Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Tan Sri Mohamed Rahmat mengingatkan anggota BN termasuk mereka yang bertugas sebagai jentera parti supaya menjaga perilaku masing-masing semasa pilihan raya kecil parlimen Gaya.

Mohamed berkata Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengamanahkan kepada beliau supaya memastikan semua anggota komponen parti berkelakuan baik dan menjaga tingkah laku mereka dalam tempoh pilihan raya kecil itu.

"Pilihan raya kecil ini adalah luar biasa, kita diminta berkelakuan baik dan patuh kepada semua undang-undang dan peraturan," katanya kepada pemberita di ibu pejabat BN negeri di Putatan, di sini hari ini selepas menghadiri mesyuarat BN Sabah.

Pada majlis itu juga Ketua Menteri Sabah Datuk Chong Kah Kiat mengumumkan Naib Presiden SAPP dan bekas setiausaha politik beliau Liew Teck Chan, 54, sebagai calon BN bagi pilihan raya kecil parlimen Gaya.

Mohamed, bekas setiausaha agung Umno dan menteri penerangan berkata beliau mempunyai "misi khas" bagi memastikan anggota parti patuh kepada arahan agar mereka berkelakuan baik semasa pilihan raya kecil berkenaan.

"Kita ingin menggunakan pilihan raya kecil ini sebagai titik permulaan bagi amalan lebih teratur di kalangan anggota dan pekerja parti dan tidak melakukan sebarang kesalahan pilihan raya," katanya.

Kerusi parlimen Gaya kosong mulai 18 Sept apabila Datuk Yong Teck Lee hilang kelayakan sebagai anggota parlimen berikutan keputusan yang dikeluarkan mahkamah awal bulan ini.

Pada 3 Sept, Mahkamah Persekutuan menolak permohonan Yong untuk mendapatkan penangguhan bagi membolehkannya mengemukakan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Pilihan Raya Jun lepas.

Mahkamah Pilihan Raya mendapati Yong bersalah kerana melakukan amalan rasuah mengikut Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 pada pilihan raya negeri 1999.

Yong juga hilang kelayakan sebagai anggota Dewan Undangan Negeri Likas. Bagaimanapun, pilihan raya kecil tidak perlu diadakan bagi kerusi itu kerana pilihan raya negeri dijadualkan berlangsung kurang daripada dua tahun daripada tarikh kekosongannya.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan esok sebagai hari penamaan calon bagi pilihan raya kecil parlimen Gaya dan sekiranya ada pertandingan, pengundian akan diadakan pada 12 Okt.

Ditanya sama ada keputusan mahkamah itu memberi kesan besar terhadap usaha BN mengekalkan kerusi parlimen Gaya dalam pilihan raya kali ini, Mohamed berkata beliau tidak fikir begitu kerana setiap orang perlu menghormati keputusan mahkamah.

"Apa juga keputusan mahkamah, walau paling kecil sekalipun, kita perlu mempunyai sifat bertanggungjawab dan patut menjadikannya pengajaran untuk tidak mengulanginya," kata beliau.

Pada pilihan raya umum 1999, Yong mendapat 15,315 undi dan mengalahkan dua calon lain dengan majoriti 4,117 undi bagi kerusi parlimen Gaya. Kawasan parlimen Gaya mengandungi kerusi Dewan Undangan Negeri Likas dan Inanam dengan 49,427 pengundi termasuk 76 pengundi pos.

Daripada jumlah itu, 19,122 (38.69 peratus) adalah pengundi Cina, 16,463 (33.3 peratus) bumiputera bukan Islam, 10,699 (21.64 peratus)

bumiputera Islam, 394 (0.8 peratus) India dan 2,749 (5.56 peratus)  
keturunan lain.

-- BERNAMA

AT SP RON